

15 AUG 2003
WIN-Anugerah
WIN LANCAR 'ANUGERAH WANITA SEPANJANG TAHUN'

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Institut Pengurusan Wanita (WIM) sedang mencari seorang wanita yang berjaya dalam hidup selepas mengharungi pelbagai kesusahan dan kepayahan untuk diumumkan sebagai pemenang Anugerah Wanita Sepanjang Tahun WIM yang dinamakan "Anugerah Dr Siti Hasmah."

Pengerusi WIM Datuk Napsiah Omar berkata calon berkenaan mestilah merupakan seorang yang "menjadi contoh ikutan dan memberikan inspirasi kepada wanita lain melalui keteladanan yang positif, dorongan, kesungguhan, cerdik pandai, penyayang, efisien dan kepimpinan."

"Kesemua ini dapat dilihat dengan jelas dari keperibadian Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Anggota Kehormat Seumur Hidup WIM," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

WIM, sebuah badan yang tidak berasaskan kepada keuntungan, ditubuhkan pada 1993 dengan memberikan tumpuan ke arah kecemerlangan wanita dalam semua bidang, menjemput orang ramai untuk mencalonkan wanita-wanita Malaysia yang telah membantu membangunkan diri mereka dan juga masyarakat, katanya.

Napsiah berkata calon-calon itu perlu merupakan seorang yang bersungguh-sungguh mengharungi halangan dan kesukaran demi mencapai kejayaan dalam bidang yang dipilihnya selain menjadi sumber inspirasi serta contoh kepada masyarakat.

Peserta akhir akan diminta menghadiri temuduga yang diadili lima juri dan pemenang dipilih berdasarkan latarbelakang peribadi (30 peratus), sumbangan kepada masyarakat (25 peratus), kejayaan dalam kerjaya (25 peratus) dan kelulusan akademik (20 peratus), katanya.

Borang pencalonan boleh diperolehi daripada sekretariat WIM di Wisma WIM, 7, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail di sini atau boleh dimuat turun daripada laman web www.wimnet.org.my, atau daripada penaja utama iaitu Southern Bank Berhad, Ford dan Langkawii Crystaal, serta penaja bersama Habib Jewels, Kensapothecary dan majalah wanita bulanan, Jelita dan Her World, kata beliau lagi.

Napsiah berkata pencalonan ditutup pada 15 Nov dan pemenangnya akan menerima anugerah itu Januari tahun depan daripada Dr Siti Hasmah dalam majlis makan malam institut berkenaan.

"Beliau akan menerima wang tunai RM20,000 yang perlu didermakan semula kepada WIM bagi membiayai sebuah projek WIM untuk wanita kurang bernasib baik yang akan dipilih dan projek itu dinamakan sempena pemenang berkenaan," katanya.

Beliau berkata pemenang itu turut berpeluang menggunakan kenderaan pacuan empat roda Ford Escape, selama setahun secara percuma, trofi anugerah daripada Langkawii Crsyttaal, barangan kemas, jam dan beberapa hadiah lain.

-- BERNAMA
HK HK ROS